



## MAPS MALAYSIA

(Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia)  
Lembaga Arkitek Malaysia

### Nota Khas MAPS #1-2020: Pencegahan Jangkitan Penyakit COVID-19 dan Impaknya Terhadap Program Senibina dan Rekabentuk Dalaman di Institusi Pengajian Tinggi

#### 1.0 TUJUAN

Nota Khas dari MAPS Malaysia ini bertujuan memberikan panduan bagi membantu pihak Pemberi Pengajian Tinggi Senibina (PPS) dan Pemberi Pengajian Tinggi Rekabentuk Dalaman (PPD) berkaitan pengekalan kualiti program pengajian senibina dan rekabentuk dalaman semasa usaha menyekat penularan wabak COVID-19 dalam kalangan mereka yang terlibat dengan pelaksanaan kedua-dua program ini.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 MAPS Malaysia menasihat semua PPS/PPD mengambil serius arahan Kerajaan dan mematuhi arahan dan nasihat yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari masa ke masa supaya kesihatan setiap staf akademik dan para pelajar dapat dijaga rapi pada tahap yang terbaik. Dalam konteks ini, keselamatan dan kesihatan staf akademik, para pelajar, dan semua yang terlibat semestinya menjadi keutamaan bagi semua pihak.
- 2.2 MAPS turut mengikuti perkembangan serta arahan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPT) berhubung aktiviti dalam kampus khususnya yang membabitkan pengajaran dan pembelajaran (P&P) langsung. LAM difahamkan kebanyakan pertemuan dalam kuliah, makmal, serta studio dibatalkan dan digantikan dengan pertemuan dan pembelajaran atas talian (*online*) menerusi apa juga platform seperti e-Learning, MOOC, ZOOM, Youtube, konferens video menerusi Skype, Facebook, media sosial dan seumpamanya termasuklah menerusi kaedah *blended learning* dan *immersive learning* tertakluk kepada keadaan dan keperluan sesuatu sesi P&P yang berkenaan.

#### 3.0 PEDAGOGI STUDIO REKABENTUK

- 3.1 Dokumen *Manual of Accreditation for Architecture Programme* (2013: 7) dan *Policy and Procedures for Accreditation of Interior Design Programme* (2019: 8) mentafsirkan 'studio' seperti berikut:

'Studio' merujuk kepada pedagogi pembelajaran bertunjangkan kepada pelajar yang dipacu masalah berlandaskan projek (*project-based problem*), yang kerapnya dibangunkan dari sesuatu keadaan berasaskan masalah, cabaran, atau isu (*issue- or problem-based condition*) sebagai medium untuk pendidikan rekabentuk di mana aktiviti seperti kuliah input, kajian teladan, ceramah, perbincangan, sesi kritik antara pensyarah dan pelajar di meja, sesi pembentangan dan kritik untuk tujuan perkongsian pembelajaran, semakan portfolio, pameran, lawatan tapak dan kajian, sesi persembahan akhir, dan penilaian dilaksanakan. Studio dalam ertikata fizikalnya turut merujuk atau difahami sebagai sebuah ruang studio yang diperuntukkan khusus untuk menampung aktiviti yang dinyatakan di atas termasuk menyediakan ruang kerja individu khusus untuk para pelajar dan staf akademik. Sekiranya atau bila ianya diperlukan, waktu operasi sesebuah studio bolehlah dijalankan untuk tempoh 24 jam dalam sehari.

- 3.2 Dalam konteks subperkara 3.1 di atas, pembelajaran studio rekabentuk (*design studio* atau *architecture studio* atau *interior design studio*) bersandarkan kepada pedagogi pembelajaran rentas (*cross learning*) dan pembelajaran sesama pelajar (*peer learning*) yang dipasangkan di bawah penerajuan pensyarah studio berkenaan.

#### 4.0 KETERSEDIAAN PRASARANA DAN KEMUDAHAN ICT

- 4.1 Ketersediaan prasarana teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) tidak sama tahapnya antara satu PPS/PPD dengan PPS/PPD yang lain. Mungkin ada PPS/PPD yang lebih bersedia untuk mengendali pembelajaran studio secara maya. Namun mengadakan pembelajaran studio maya secara komprehensif dan untuk tempoh yang berpanjangan membabitkan semua pelajar dan staf akademik bagi sesebuah studio yang berkenaan tidak mungkin mampu dicapai oleh mana-mana PPS/PPD pada masa ini.
- 4.2 Justeru, menggantikan studio rekabentuk dalam bentuk atas talian (*online*) atau studio maya (*virtual studio*) perlu dilihat sebagai satu tindakan yang berbentuk sementara. Umumnya diketahui studio maya tidak mampu menggantikan studio rekabentuk yang dikendalikan secara bersepada (*integrative*), sepakat (*cooperative*), dan muafakat (*consensual*). Persekutuan pembelajaran studio yang dinamik ini tidak mungkin dapat disimulasikan menerusi studio maya atau apa juga medium atas talian.

#### 5.0 STRATEGI PENGEKALAN KUALITI PENGHASILAN KERJA


Sehubungan dengan subperkara 4.1 dan 4.2 di atas, MAPS berharap pihak PPS/PPD dapat merangka strategi dalam merancang P&P iaitu dengan memberi keutamaan penggunaan kaedah atas talian kepada aktiviti P&P yang membabitkan pertemuan satu-sama-satu antara pensyarah dan pelajar, lintas langsung syarahan oleh pensyarah, dan seumpamanya. Seterusnya, strategi yang dimaksudkan ini turut mengatur semula keperluan pertemuan secara berkumpulan seperti sesi kritik dan sesi pembentangan interim hasil kerja rekabentuk setiap pelajar (membabitkan kehadiran semua pelajar dan staf akademik dalam studio berkenaan) dengan cara melewatkannya penjadualannya ke penghujung semester bila mana penularan COVID-19 dijangkakan menjadi semakin reda.

## **6.0 KAWALAN KE ATAS KEMUNGKINAN SUSUTAN KUALITI PEMBELAJARAN**

- 6.1 Walau apapun langkah yang diambil bagi menyesuaikan aktiviti P&P dalam konteks dan keadaan persekitaran yang terkekang, walaupun dengan niat untuk berbuat sebaik mungkin, MAPS menjangkakan akan tetap berlaku kesusutan kualiti pencapaian hasil kerja pelajar lantaran ketirisan masa P&P, kemerosotan intensiti penyeliaan, dan berkurangnya jam pertemuan dan pembelajaran bersemuka serta berkumpulan.
- 6.2 Sekiranya susutan kualiti seperti yang dinyatakan dalam sub perkara 6.1 benar-benar berlaku, pihak PPS/PPD disarankan supaya mengambil tindakan pemulihan susulan bertujuan untuk memastikan hasil kerja individu pelajar kembali memenuhi sekurang-kurangnya tahap kualiti minimum dan kualiti program secara keseluruhannya tidak terjejas. Tindakan pemulihan ini perlu dilakukan secara bijaksana dan penuh tanggungjawab dengan mengambil kira beban pembelajaran semasa para pelajar. Terpenting sekali tindakan pemulihan sepenuhnya berjaya diselesaikan dalam tempoh yang sesuai sehingga pihak PPS/PPD bersedia dengan yakin untuk menempuh proses dan prosedur akreditasi khususnya ketika Lawatan Penasihat atau Lawatan Akreditasi oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dilaksanakan.
- 6.3 Para pelajar dalam kapasiti individu turut disarankan supaya memastikan portfolio hasil kerja studio rekabentuk mereka sentiasa disediakan dengan sebaiknya dan setiap hasil kerja memenuhi kehendak kualiti minimum yang ditetapkan oleh LAM supaya mereka mudah berdaftar sebagai Arkitek Graduat dan Perekabentuk Dalaman Graduat dengan LAM dan pada masa yang sama diterima masuk ke alam pekerjaan dengan yakinknya. Dalam hal ini, PPS/PPD disarankan supaya membimbing pelajar mereka ke arah menghasilkan portfolio rekabentuk yang terbaik.

## **7.0 KUAT KUASA PELAKSANAAN**

- 7.1 Nota Khas ini terpakai ke atas semua program senibina dan rekabentuk dalaman yang telah diluluskan atau/dan diakreditasi oleh LAM bermula serta merta hingga ke suatu masa di mana keadaan penularan wabak COVID-19 menjadi reda dan terkawal sepenuhnya.



**Prof. Adj. Dr. Mustapha bin Hj. Mohd Salleh**  
Pengerusi  
Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina (MAPS) Malaysia  
Lembaga Arkitek Malaysia

Tarikh: 18 Mac 2020 (Rabu)